

Meor Badrul tinggalkan taekwon-do untuk silat

JUARA silat kebangsaan Kelas C, Meor Badrul Hisham Kamaruzaman, mengambil keputusan meninggalkan taekwon-do untuk memberi tumpuan sepenuhnya kepada silat.

Pengakuan itu dibuat kepada Yang Dipertua Majlis Silat Negeri Sembilan (Mesenis), Ishak Hassan, bagi mengelakkan salah faham yang timbul selepas Kejuaraan Kebangsaan di Port Dickson baru-baru ini.

Ishak berkata, keputusan Meor Badrul Hisham itu bukan disebabkan tekanan mana-mana pihak tetapi kehendak peribadinya.

Beliau juga difahamkan, pesilat itu akan meletakkan jawatan sebagai ahli jawatankuasa Persatuan Taekwon-do Port Dickson (PTPD) tidak lama lagi.

Kini, Meor Badrul Hisham berada di Kuala Terengganu bagi mengikuti latihan pusat skuad Sukan SEA '89, juga sebagai persiapan menghadapi Kejuaraan Undangan Singapura pada 25 Ogos ini.

Walaupun menyertai taekwon-do dan dianugerah tali pinggang hitam kelas pertama, dia turut mempelajari silat Gayong Malaysia sebagai pemegang bengkung hijau.

Ishak yang juga Pengarah Kejurlatihan Silat Negeri berkata, keputusan pesilat itu adalah wajar jika ingin terus maju dalam sukan silat.

Katanya, sukan silat mempunyai perbezaan dengan taekwon-do. Jika pembabitannya berterusan, kemungkinan Meor gagal mempertingkatkan diri dalam silat.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas kenyataan Presiden Persekutuan Taekwon-do Antarabangsa Malaysia (MITF), Sabree Salleh, mengenai kejayaan Meor Badrul Hisham menjuarai Kelas C.

"Saya tidak mahu mengulas bagi mengelakkan salah faham. Biarlah Meor Badrul Hisham membuat keputusan dalam hal ini," kata Ishak.

SILAT/ Latihan pusat peringkat kedua

Siti Anida tarik diri kerana peperiksaan

Oleh MOHD HANIME YUSOF

PESILAT skuad Sukan SEA '89, Siti Anida Mahadi, terpaksa menarik diri daripada latihan pusat peringkat kedua di Kuala Terengganu, yang bermula Isnin lalu hingga 22 Ogos ini, kerana terbabit dengan peperiksaan pengajian.

Ibunya, Shamsidar Mohd Amin, berkata penarikan diri anaknya itu tidak berkaitan dengan krisis yang berlaku di Kejuaraan Kebangsaan, Port Dickson baru-baru ini.

Siti Anida menarik diri di perlawanan akhir Kelas D apabila skuad Gayong Fatani bertindak memulau semua perlawanan akhir berikutan satu krisis yang nyaris mencetus pergaduhan.

Katanya, Siti Anida memberitahu hal itu kepadanya sewaktu pulang bercuti hujung minggu lalu dan bukan dengan alasan lain.

"Saya tidak mahu wujud prasangka tidak baik yang boleh mengganggu fikiran

Anida. Jika tidak kerana peperiksaan, dia pasti mengikuti latihan," jelas Shamsidar.

Beliau menambah, anaknya dijangka mengikuti latihan pusat peringkat ketiga, Oktober ini jika tidak menghadapi masalah yang sama.

Penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu sudah membuat penjelasan bertulis kepada pengurus pasukan, Haji Shafie Abdul Rahman, mengenai perkara itu.

Kelmarin, Haji Shafie memberi amaran akan menggugurkan mana-mana pesilat yang tidak mengikuti latihan tanpa sebarang alasan.

Shamsidar berkata, dia sendiri yang mengarahkan anaknya membuat penjelasan kepada Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mengenai perkara itu.

"Saya tidak mahu Anida tercicir daripada skuad Sukan SEA '89. Saya turut mem-

beri dorongan supaya dia berlatih sendiri di kampus. Saya mahu dia berjaya dalam kedua-dua bidang ini dengan baik," tambahnya.

Beliau menjelaskan, pihak UKM memang memberi pelepasan cuti bagi mengikuti latihan itu tetapi secara kebetulan ada peperiksaan.

Kegagalan Siti Anida mengikuti latihan pusat itu mungkin menutup peluangnya menyertai Kejuaraan Undangan Singapura pada 25 Ogos ini.

Sementara itu, pemenang pingat perak Silat Sedunia, Masliza Ab Bakar, juga mengambil keputusan yang sama bagi menyiapkan rinya menghadapi peperiksaan Tinggi Pelajaran Malay (STPM).

Pesilat Gayung Fatani itu memulau perlawanan akhir mempertahankan juara Kejuaraan Kebangsaan itu.

Masliza juga dikesual pada latihan pusat peringkat kedua bulan lalu tetapi menunjukkan persembahan yang baik dalam pertandingan silat di Kejuaraan Kebangsaan.